

Kakitangan awam diminta amal sikap berterus terang

Oleh FAUZI JAAFAR
dan ZABRY MOHAMAD

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta kakitangan kerajaan mengamalkan sikap berterus terang dengan mengakui apa juga kelemahan serta kesilapan yang wujud, dan harus sentiasa mengambil langkah untuk memperbaiki dan membetulkan kelemahan tersebut.

Perdana Menteri berkata, dalam pada itu kakitangan kerajaan tidak boleh memiliki sikap *self denial* dengan menafikan segala-galanya seolah-olah tidak ada apa yang perlu dirisaukan dan dibimbangkan.

Katanya, usaha-usaha penambahbaikan perkhidmatan awam perlu menjadi gerakan berterusan bagi memastikan Malaysia terus dan mampu berdaya saing dalam dunia yang penuh dengan cabaran pada hari ini.

"Yang salah kita betulkan, yang tidak elok kita elokkan... itulah cara kita. Semua yang kita lakukan yang baik mesti menjadi terbaik," katanya semasa berucap pada majlis penyampaian Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA) 2006 di sini malam ini.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan dan Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu), Datuk Yaacob Hussin.

Abdullah berkata, usaha memperbaiki sek-

Penerima Anugerah Kualiti Sektor Awam 2006

Anugerah Kualiti Perdana Menteri

- **Sektor Awam:** Universiti Kebangsaan Malaysia (Wang tunai RM30,000, piala & sijil penghargaan)
- **Sektor Swasta:** Petronas Ammonia Sdn. Bhd. (RM10,000, piala & sijil penghargaan)
- **Sektor Sosioekonomi:** Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (RM10,000, piala & sijil penghargaan)
- **Penghargaan Khas:** Persatuan Bagi Kanak-kanak Terencat Akal, Johor (RM3,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Kualiti Sektor Awam

- **Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara:** Majlis Perbandaran Subang Jaya (RM10,000, piala & sijil penghargaan)
- **Anugerah Kualiti Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam:** Universiti Teknologi Mara Perak (RM8,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Perdana Teknologi Maklumat

- **Sektor Awam:** Jabatan Perkhidmatan Awam - Sistem 'Pensions Online Workflow Environment (Power) (RM10,000, piala & sijil penghargaan)
- **Sektor Swasta:** MISC Berhad - 'Container Shipping System? (CSS) (RM10,000, piala & sijil penghargaan)
- **Sektor Sosioekonomi:** Unit Pengurusan Maklumat Negeri Terengganu - Pusat Komuniti Bestari (Bestari.Comm) (RM10,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Perdana Pihak Berkuasa Tempatan

- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (RM10,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan Ketua Setiausaha Negara:

- Majlis Perbandaran Manjung (RM7,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Perdana Pejabat Daerah dan Tanah

- Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (RM10,000, piala dan sijil penghargaan)
- Anugerah Pejabat Daerah dan Tanah Ketua Setiausaha Negara:**
- Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (RM7,000, piala & sijil penghargaan)

Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan

- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM9,000, piala & sijil penghargaan)

tor perkhidmatan awam bukanlah perkara baru dalam negara, tapi sudah bermula sejak zaman pentadbiran Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein lagi.

Namun kata beliau, sehingga hari ini rakyat masih memandang atau mempunyai persepsi negatif terutama mengenai sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Menurutnya, persepsi buruk kakitangan kerajaan seperti lemah dan tidak berkuali-

ti jika tidak ditangani, akan memberi kesan buruk kepada negara dan menjejaskan daya saing negara dalam mencapai Wawasan 2020.

Beliau menambah, persepsi itu sebenarnya berlaku disebabkan perbuatan buruk segelintir kakitangan kerajaan yang akhirnya menjejaskan seluruh reputasi dalam perkhidmatan awam negara.

"Kakitangan kerajaan kena semua sem-

purna, tiada seorangpun yang dianggap tidak elok, tidak baik, sehingga timbul pandangan tidak elok yang dikatakan sebagai persepsi.

"Persepsi sama ada kakitangan kerajaan terima rasuah atau pentadbirannya yang tidak elok dan tidak mesra. Jika persepsi itu kena pada kita, payah nak buat orang lupa sama ada ia baik atau buruk," jelasnya.